

## Perodua, KPDNHEP bekerjasama bendung penjualan produk, alat ganti tiruan

**KUALA LUMPUR** – Perodua telah menganjurkan sesi perjumpaan bersama pegawai penguatkuasa dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP) di ibu pejabatnya di Sungai Choh, Rawang, Selangor baru-baru ini.

Pengarah Urusan Perodua Sales Sdn. Bhd., Datuk Zahari Husin berkata, program tersebut bertujuan untuk membendung penjualan produk dan alat ganti tiruan.

Pada majlis tersebut, Perodua bersama pengedar servis dan stokis terpilih telah memberi taklimat menyeluruh kepada kira-kira 120 pegawai penguatkuasa KPDNHEP berhubung pelbagai produk dan alat ganti Perodua berhubung aliran logistik serta kaedah membezakan barangan tulen dan tiruan.

Turut hadir dalam sesi taklimat tersebut adalah Timba-



**ZAHARI** (11 dari kanan, depan) bergambar bersama kakitangan Perodua dan KPDNHEP di ibu pejabat syarikat di Sungai Choh, Rawang baru-baru ini.

lan Pengarah Penguatkuasa (Pencegahan) KPDNHEP, Suhaimi Mat Sari.

“Kami sedar bahawa terdapat banyak produk dan alat ganti tiruan di pasaran yang menggunakan jenama Perodua dan sebahagiannya sukar dibezakan dengan produk tulen termasuk minyak pelincir, penapis minyak, penyerap kejutan dan pad brek.

“Kami menggesa orang ramai agar tidak terjebak dengan taktik peniaga-peniaga tidak bertanggungjawab yang menjual barangan tiruan Perodua.

“Produk dan alat ganti tulen Perodua boleh didapati dengan harga berpatutan dan memberikan ketenangan minda yang sepenuhnya.

“Sebagai alternatif, kami tu-

rut menawarkan produk dan alat ganti ProGanti, yang lebih mampu milik dan tetap diuji serta diperakui Perodua,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Menurut Zahari, penggunaan barangan tiruan pada kenderaan bukan sahaja akan membatalkan waranti malah boleh menjejaskan keselamatan dan keadaan kenderaan.